

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **PUAN WONG SHU QI [KLUANG]**
TARIKH : **9 JULAI 2019 (SELASA)**
SOALAN : **52**

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan pencegahan berita palsu yang tular di media sosial selain daripada tindakan undang-undang yang diambil oleh orang difitnah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengambil langkah proaktif bagi menangani gejala ini dengan menjalankan kerjasama dengan pelbagai Kementerian dan agensi penguatkuasaan seperti pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam membendung penyalahgunaan Internet, khususnya kegiatan penyebaran kandungan atau maklumat tidak sahih/ palsu yang boleh menggugat kestabilan dan keharmonian negara. Kerjasama ini meliputi aspek-aspek kerjasama pemantauan, pengesanan, perkongsian maklumat dan forensik digital.

2. Peruntukan undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) adalah antara instrumen perundangan yang tergunapakai di dalam mengawal perekaan, penerbitan dan penularan kandungan atau berita tidak benar.

3. Antara tahun 2018 sehingga Mei 2019, pihak SKMM telah menerima sejumlah 641 aduan awam berkaitan berita palsu. Dalam tempoh yang sama, sejumlah 51 kertas siasatan telah dibuka oleh pihak SKMM berhubung penyebaran berita palsu, dan 5 daripadanya telah dihadapkan ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman. Usaha yang dijalankan SKMM ini akan diteruskan selaras laporan dan aduan awam yang diterima, terutamanya bilamana melibatkan berita palsu yang boleh menjejaskan keharmonian perhubungan antara berbilang kaum dan agama di dalam negara.

4. Portal Sebenarnya.my yang diwujudkan pada Mac 2017 juga menjadi sumber rujukan bagi orang ramai menentusahkan sesuatu berita yang tular. Selain itu, pelbagai program advokasi dan kesedaran turut dijalankan di media dan di lapangan bagi memupuk kesedaran awam mengenai gejala berita palsu serta pembudayaan amalan menyemak dan menentusahkan sesuatu berita.

5. Jalinan kerjasama antara berbilang agensi (20 agensi Kerajaan dan lebih daripada 130 agensi, organisasi dan syarikat berkaitan Kerajaan) turut dilaksanakan melalui Jawatankuasa Operasi Pengurusan Berita yang Tidak Ditentusahkan Dalam Talian yang bertindak menyelaras koordinasi dalam menguruskan kandungan atau berita palsu. Melalui jalinan kerjasama tersebut, agensi yang terlibat memainkan peranan dengan mengesan dan memantau penularan berita/ maklumat yang tidak benar yang timbul atau menular (*viral*) dan seterusnya mengeluarkan kenyataan menjelaskan atau menafikan sebarang berita palsu/ mengelirukan yang melibatkan agensi dan Kementerian masing-masing.